

Abdullah sertai semula Kabinet

Tiga menteri tukar portfolio

Oleh **BADRULHISHAM OTHMAN**

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam mengumumkan rombakan kecil Kabinet berikutan perletakan jawatan Menteri Kewangan, Datuk Paduka Daim Zainuddin.

Dalam rombakan yang akan berkuatkuasa 15 Mac ini, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilantik sebagai Menteri Kewangan bagi menggantikan Datuk Paduka Daim yang menyandang jawatan itu sejak 14 Julai 1984.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Datuk Dr Sulaiman Daud mengambil alih tugas sebagai Menteri Pendidikan. Beliau pernah menjawat jawatan itu pada Julai 1981-1984.

Naib Presiden Umno, Datuk Abdullah Ahmad Badawi pula dilantik sebagai Menteri Luar bagi menggantikan Datuk Abu Hassan Omar.

Datuk Abu Hassan pula dilantik sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri

bagi menggantikan Datuk Dr Sulaiman Daud.

"Semua perlington, termasuk perletakan jawatan Datuk Paduka Daim sebagai Menteri Kewangan, berkuatkuasa 15 Mac ini," katanya.

"Sehingga tarikh itu, menteri berkenaan akan berkuasa penuh. Mereka bukan 'menteri tempang'.

"Sebarang keputusan yang dibuat oleh menteri berkenaan akan diteruskan sebagai keputusan kerajaan," katanya ketika mengumumkan rombakan Kabinet, selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, di ibu pejabat Umno.

Lihat muka 4

Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau juga akan melantik dua Setiausaha Parlimen yang baru daripada MCA dan MIC. Nama mereka akan diumumkan kemudian.

Beliau juga menjelaskan, Datuk Paduka Daim masih kekal sebagai Bendahari Umno.

Katanya, ini bukan kali pertama seorang bendahari Umno tidak menjadi Menteri Kewangan.

"Tidak ada yang luar biasa dalam hal ini dan tidak ada undang-undang yang menyebut, Menteri Kewangan mesti seorang Bendahari Umno.

"Tengku Razaleigh ketika menjadi Bendahari Umno tidak menjadi Menteri

Kewangan. Malah, Allahyarham Tun Hussein Onn ketika menjadi Bendahari Umno tidak menjadi Menteri Kewangan. Mendiang Tun Tan Siew Sin (bekas Presiden MCA) juga pernah menjadi Menteri Kewangan, sedangkan dia bukan Bendahari Umno, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Menteri Kewangan itu tidak pernah memberitahunya bahawa dia akan meletakkan jawatan sebagai Bendahari Umno, sekalipun Datuk Paduka Daim pernah berkata begitu ketika ditanya oleh pemberita.

Ditanya sama ada beliau cuba memujuk Datuk Paduka Daim supaya meneruskan tugasnya sebagai Menteri Kewangan, Perdana Menteri berkata: "Ini bukan keputusan saya saja. Jika seseorang itu tidak mahu kerja, susah kita hendak suruh dia kerja.

"Lagipun dia sudah minta berhenti berkali-kali," katanya.

Mengulas pandangan sesetengah ahli ekonomi bahawa ketiadaan Datuk Paduka Daim akan menjejaskan perancangan ekonomi negara yang sudah mantap, beliau berkata pandangan itu akan berubah.

"Sebelum ini mereka juga mendakwa Daim (Datuk Paduka Daim) merosakkan ekonomi negara. Jadi, mereka mungkin membuat pandangan yang sama terhadap Menteri Kewangan yang baru," katanya.